

Penelitian Gaya Bahasa Perbandingan dalam *Syair Dagang Adanya* Karya Sheikh Hamzah Fansuri

Mohd Muhaimi Abdul Rahman^a

muhamiar@gmail.com

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zubir Idris^b

zidris@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhd Norizam Jamian

norizam@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kebanyakan kajian tentang kepenyairan Sheikh Hamzah Fansuri lebih tertumpu kepada aspek keagamaan dan ketuhanan, sementara aspek bahasa masih belum dilakukan oleh mana-mana sarjana terutama yang melibatkan manuskrip *Syair Dagang* sehingga menimbulkan kelompongan kajian yang ketara. Makalah ini mengetengahkan persoalan relevan seperti identifikasi gaya bahasa, manipulasi bahasa tersebut dan keberkesanan yang terhasil daripada manipulasi berkenaan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan menggunakan metode kajian analisis kandungan. *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) merujuk kepada tajuk manuskrip yang digunakan dalam kajian ini, manakala perkataan “*Syair Dagang*” merupakan istilah umum yang biasa digunakan oleh sarjana lepas yang merujuk kepada karya Sheikh Hamzah Fansuri. Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan digunakan sebagai kerangka analisis dengan tumpuan terhadap gaya bahasa perbandingan yang terdiri daripada empat bentuk, iaitu; (1) perumpamaan; (2) metafora; (3) personifikasi; dan (4) antisipasi. Gaya bahasa perbandingan merujuk kepada kedudukan perbandingan dan juga keseimbangan dalam penghasilan puisi. Analisis mendapati Sheikh Hamzah Fansuri memanfaatkan keempat-empat bentuk tersebut dalam syairnya. Selain menggunakan perumpamaan sedia ada, beliau mencipta perumpamaan baharu lantas memperkenalkan kelainan yang segar dan bertenaga, sekali gus menghasilkan makna tambahan yang dihadirkan oleh kelainan tersebut. Metafora pula dimanipulasi dengan menempatkan bahasa biasa dalam konteks baharu untuk membolehkan bahasa tersebut menggugurkan makna lazimnya sejajar menyerap makna baharu, dengan itu memperluaskan makna syairnya. Pemanfaatan personifikasi pula membolehkan objek untuk membikin makna,

^a Penulis utama

^b Penulis koresponden

membina suasana serta menyampaikan mesej selain memperluaskan cakupan syair untuk meneroka isu-isu sensitif atau terlarang. Penerapan bentuk antisipasi pula mampu mendahului atau menduga sesuatu untuk melebarkan jangkauan puisinya apabila gambaran realiti masa kini dan masa depan dihadirkan secara serentak, di samping mengungkapkan mesej syairnya. Kajian sistematik ini diharap dapat mencambahkan kajian-kajian sarjana tentang penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Dagang*.

Kata kunci: Gaya bahasa perbandingan; Henry Guntur Tarigan; manuskrip, Sheikh Hamzah Fansuri; *Syair Dagang Adanya*

The Study of Comparative Figures of Speech in the Poem *Syair Dagang Adanya* by Sheikh Hamzah Fansuri

ABSTRACT

Most studies on the poetry of Sheikh Hamzah Fansuri are focused on religious and divine aspects, while the linguistic aspect has not been thoroughly explored by any scholars, especially those involving the *Syair Dagang* manuscript, leading to a noticeable gap in the research. This paper addresses relevant issues such as the identification of linguistic styles, manipulation of language, and the effectiveness resulting from such manipulation. This qualitative study employs literature review methods and content analysis of the manuscript *Syair Dagang Adanya* with catalogue number MSS 3160. The Stylistics Model by Henry Guntur Tarigan is used as the analytical framework, focusing on the comparative stylistic elements consisting of four forms, namely; (1) simile; (2) metaphor; (3) personification; and (4) anticipation. Comparative stylistic elements refer to the position of comparison and balance in poetry production. The analysis finds that Sheikh Hamzah Fansuri utilizes all four forms in his poetry. In addition to using existing similes, Sheikh Hamzah Fansuri creates new similes, introducing freshness and vigour, thereby producing additional meaning brought about by these variations. Metaphors are manipulated by placing ordinary language in a new context to enable the language to shed its usual meaning, align with new meanings, thus expanding the meaning of his poetry. The use of personification allows objects to create meaning, build atmosphere, convey messages, and expand the scope of the poetry to explore sensitive or forbidden issues. The application of the anticipation form can anticipate or predict something to broaden the scope of his poetry when presenting the realities of the present and future simultaneously, while conveying the message of his poetry. This systematic study is expected to contribute to scholarly research on the use of comparative stylistic elements in *Syair Dagang Adanya*.

Keywords: Comparative figures of speech; Henry Guntur Tarigan; manuscript; Sheikh Hamzah Fansuri; *Syair Dagang Adanya*

PENGENALAN

Syair Dagang karya Sheikh Hamzah Fansuri merupakan puisi Melayu bergenre sastera Islam. Sumbangan Sheikh Hamzah Fansuri dalam dunia kesusasteraan Melayu begitu besar terutamanya dengan penghasilan puisi-puisi Melayu yang bermutu tinggi. Sheikh Hamzah Fansuri hidup antara akhir abad ke-16 Masihi sehingga awal abad ke-17 Masihi, iaitu semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Thani. Beliau menjadi pelopor berkembangnya syair di Alam Melayu sebelum munculnya ramai penyair lain. Kepengarangan beliau lebih dikenali menerusi genre syair seperti *Syair Perahu*, *Syair Burung Punggok* dan *Syair Sidang Fakir*. Kajian dan penelitian yang dilakukan oleh kebanyakan sarjana juga lebih memberikan tumpuan terhadap aspek keagamaan dan ketuhanan dalam karya-karya beliau.

Tegasnya, tema tentang perihal gaya bahasa dalam karya Sheikh Hamzah Fansuri masih kurang diperkatakan. Hal ini berbeza dengan kajian ini yang membincangkan aspek gaya bahasa dalam *Syair Dagang Adanya* serta meneliti penghayatan yang cuba dibawa oleh Sheikh Hamzah Fansuri sebagai penyair yang tersohor. Syair merupakan bentuk puisi yang mengungkapkan isi hati, gagasan, emosi dan perasaan penyair yang dituangkan ke dalam tulisan yang indah dan memiliki makna yang mendalam (Muhammad Zanika Esa Putra, 2023: 152). Berkaitan dengan perkara tersebut, pemilihan bahasa yang digunakan dalam puisi adalah sumber utama keindahan puisi. Kajian gaya bahasa dalam *Syair Dagang* karya Sheikh Hamzah Fansuri adalah signifikan dan relevan kerana akan membantu menyerlahkan lagi kekuatan kepengarangan, memperdalamkan penghayatan dan keberkesanan puisi beliau selaku cendekiawan bahasa dan sastera yang perlu diberikan perhatian. Ketokohan beliau dapat dipertanggungjawabkan secara objektif kerana disandarkan kepada bukti dalaman karya yang kesemuanya dihujahkan secara ilmiah dan seterusnya mendorong kepada penemuan-penemuan terbaharu untuk rujukan para penyelidik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis dan mengenal pasti gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri. Gaya bahasa perbandingan adalah gaya bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan suatu hal dengan cara membandingkan hal tersebut dengan yang lain (Haedariah, Alan & Anggun, 2023). Perspektif ini dapat memberikan inspirasi baharu kepada masyarakat tentang gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam puisi Melayu tradisional sebagai bukti keunggulan kepengarangan Sheikh Hamzah Fansuri dan sekaligus menghargai jasa ulama terdahulu dalam mencerdikkan umat sehingga hari ini.

SHEIKH HAMZAH FANSURI

Antara tokoh-tokoh ulama besar yang banyak menyumbang ilmu persuratan Melayu ialah Nuruddin ar-Raniri, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Samatrani, Abdul Samad al-Falambani, dan Muhammad Arshad al-Banjari (Zurina, Farah & Ahmad, 2017: 74). Bagi memaparkan aspek dakwah, tokoh yang menjadi tumpuan dalam penulisan ini ialah Sheikh Hamzah Fansuri kerana sumbangan beliau dalam kesusasteraan Melayu khususnya melalui karyanya, iaitu *Syair Dagang*.

Sheikh Hamzah Fansuri merupakan seorang ulama, sarjana, sasterawan dan cendekiawan yang dilahirkan di Barus, Aceh. Beliau merupakan penyair Melayu pertama yang menggubah syair-syair bersifat agama. Syair karya Sheikh Hamzah Fansuri mempunyai ciri-ciri yang

tersendiri seperti mempunyai empat perkataan satu baris, 7-12 suku kata, pola rima a-a-a-a dan setiap baris membawa makna kepada setiap rangkap. Syair bahasa Melayu mempunyai beberapa variasi yang bergantung kepada rimanya (Harun, 1989). Sheikh Hamzah Fansuri merupakan orang pertama yang memperkenalkan puisi syair berbentuk empat baris.

Sheikh Hamzah Fansuri berjaya meletakkan asas-asas nilai estetika dan puitika Melayu dalam karya-karyanya di tempat yang sewajarnya. Gagasan yang dibawa oleh beliau telah menimbulkan pelbagai polemik sehingga membawa kepada peristiwa serangan pihak pemerintah terhadap pengikutnya. Peristiwa ini membawa kepada pembakaran karya-karya dan kitabnya di perkarangan Masjid Baitulrahman, Aceh. Dalam peristiwa ini, pengikut-pengikut Sheikh Hamzah Fansuri telah berjaya menyelamatkan beberapa buah manuskrip sebelum tersebar di serata Nusantara. Antara karya-karya beliau yang berjaya diselamatkan ialah *Syair Dagang*, *Syair Perahu*, *Syair Burung Punggok*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Ikan Tongkol* dan *Asrar al-Arifin*.

LATAR BELAKANG SYAIR DAGANG ADANYA (MSS 3160)

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) ditulis dalam bentuk tulisan tangan dengan huruf Jawi pada Hari Khamis, iaitu pada waktu malam Jumaat ketika bulan mengambang (halaman 1 rangkap 4). MSS 3160 merupakan nombor katalog bagi manuskrip tersebut. Huruf MSS pula merupakan huruf rujukan yang digunakan bagi manuskrip Melayu yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) manakala 3160 merujuk kepada nombor semasa manuskrip tersebut direkodkan. Manuskrip ini telah dibeli oleh Haji Wan Mohd Shaghir pada 24 Jun 2002 dalam keadaan yang baik dan lengkap. Manuskrip ini tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan boleh didapati untuk tujuan rujukan dengan nombor MSS 3160 pada jilidan yang bernombor [10] ff. Saiz ukuran bagi manuskrip *Syair Dagang Adanya* ialah 24 x 17 cm, iaitu mempunyai 18 halaman dan 191 rangkap dengan 14 hingga 22 baris bagi setiap rangkap (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2023: 59).

Pengarang manuskrip menggunakan kertas LAID Eropah yang berwarna putih kekuningan bertompokan kesan terkena air dan mempunyai tera air berbentuk bulan sabit berprofil manusia dalam perisai. Kertas yang digunakan juga mempunyai kuras (helaiian yang digunakan dalam percetakan buku dan berlipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka) yang berceraian tanpa kulit. Setiap helaiannya pula mempunyai dua kolum dengan susunan jenis tulisan yang kemas dan konsisten (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2019: 1106-1107).

Manuskrip ini tidak dicatatkan maklumat tentang pengarang. Namun begitu, pengarang menyatakan tentang masa, peralatan, suasana dan saat-saat manuskrip dikarang. Hal ini dapat dilihat pada rangkap awal syair seperti yang berikut:

Dengarlah encik permulaan khabar,
Asalnya kalam daripadanya akar,
Asal dakwat daripadanya damar,
Hamba mengarang baharu belajar. (rangkap 2)


Adapun konon suatu hari,
Duduk termenung seorang diri,
Di dalam kalbu terlalu dengari,
Mengenangkan nasib badan sendiri. (rangkap 3)

Malam Jumaat bulan pun menerang,
Masygulnya Dagang bukan sebarang,
Pada masa itu syair terkarang,
Jam berbunyi berderang-derang. (rangkap 4)


Pengarang merupakan seorang pedagang yang merantau ke negeri orang dan tinggal berjauhan dengan sanak saudaranya di kampung halaman. Kehidupannya tidak menentu dan penuh cabaran. Hal ini digambarkan menerusi rangkap syair seperti yang berikut:

[K](G)undah-[k](g)ulana bukan sebarang,
Dari dahulu sampai sekarang,
Kerana tinggal di negeri orang,
Sanak saudara temu jarang. (rangkap 7)

Syair Dagang Adanya mengisahkan tentang pengembaraan seorang lelaki yang diriwayatkan sebagai dagang yang merantau keluar dari kampung halamannya. Dagang merupakan seorang lelaki miskin yang hidup dalam serba kekurangan (Mohd Muhaimi & Salmah Jan, 2019: 100). Dalam pengembaraannya, Dagang telah menempuh pelbagai peristiwa dan bertemu dengan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan teladan. Kisah pengembaraan Dagang telah diharmonikan sebaiknya oleh pengarang daripada segi rima, bahasa dan gaya bahasanya. Halaman awal *Syair Dagang Adanya* dipaparkan dalam Gambar 1. Gambar 2 pula memaparkan halaman akhir *Syair Dagang Adanya*:



GAMBAR 1. Halaman Awal *Syair Dagang Adanya* (Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*, 2000)



GAMBAR 2. Halaman Akhir *Syair Dagang Adanya* (Sumber: *Katalog Manuskrip Melayu PNM*, 2000)

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang memperkatakan tentang gaya bahasa dalam karya kesusasteraan. Kajian Muharam dan Zubir (2023) melihat kelompongan yang ada dalam puisi karya Usman Awang daripada aspek bahasa secara sistematik, iaitu menggunakan Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan. Gaya bahasa berkaitan perbandingan, iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi dijadikan asas kerangka analisis. Dapatan kajian mendapati Usman Awang telah memanfaatkan keempat-empat gaya bahasa tersebut untuk memperkayakan karyanya dengan khazanah tradisi Melayu. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian terdahulu menggunakan bahan kajian berdasarkan teks sastera moden manakala kajian yang akan dilakukan ini menggunakan bahan yang berupa manuskrip Melayu lama, iaitu *Syair Dagang*.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Siska et al. (2023) bertujuan untuk melihat gaya bahasa metafora dalam novel *Konspirasi Alam Semesta Karya Fiersa Besari*. Dapatan kajian mendapati bahawa gaya bahasa metafora disajikan dengan menyisipkan pesan kepekaan pembaca dalam mewarnai setiap rangkaian ceritanya. Kajian ini tidak menggunakan Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan, sebaliknya menggunakan analisis gaya bahasa metafora.

Seterusnya, kajian turut dilakukan oleh Diah Budiani (2023) yang menganalisis penggunaan gaya bahasa dalam puisi *Langit Air Langit Basah* karya H. Akhmad T. Bacco. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Analisis data dilakukan dengan membaca keseluruhan puisi dan mencatat larik-lariknya. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan kerana tidak menggunakan Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan, sebaliknya menganalisis data secara umum berdasarkan kiasan yang terdapat dalam puisi moden yang dikaji. Hal ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan yang menggunakan manuskrip tradisional, iaitu *Syair Dagang Adanya* yang memerlukan penghayatan dan penelitian yang lebih mendalam untuk menghadam gaya bahasa yang digunakan oleh Sheikh Hamzah Fansuri.

Kajian turut dilakukan oleh Muharam dan Shaiful Bahri (2019) yang menganalisis keindahan puisi Usman Awang berdasarkan Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan khususnya gaya bahasa pertautan. Hal ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan, yang akan menggunakan gaya bahasa perbandingan untuk tujuan analisis.

Berikutnya, kajian berkaitan gaya bahasa turut dilakukan oleh Miftahul (2021) terhadap *Syair Ikhtari* karya Nizar Qabbani. Kajian ini bertujuan mengungkapkan gaya bahasa yang terdapat dalam syair tersebut. Kajian ini menggunakan teori lima level analisis stilistika Syihabuddin Qalyubi. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa gaya bahasa dalam syair ini, iaitu pengulangan bunyi, mendahulukan khabar dan kata sinonim. Kajian lain berkenaan gaya bahasa turut dilakukan oleh Nazri dan Zubir (2013) yang menganalisis gaya bahasa simile dalam *Syair Siti Zubaidah*. Kajian tersebut menggunakan pendekatan simiotik untuk mengenal pasti makna dan kiasan yang terdapat dalam manuskrip tersebut. Kajian ini berbeza daripada segi penggunaan jenis manuskrip dan pendekatan yang digunakan.

Tinjauan kajian lepas jelas menunjukkan bahawa minat pengkaji lebih tertumpu kepada karya sastera moden. Terdapat juga segelintir pengkaji yang meneliti karya sastera Melayu tradisional berbentuk syair seperti Nazri dan Zubir (2013) yang meneliti *Syair Siti Zubaidah*. Namun begitu, pendekatan yang digunakan lebih memfokuskan aspek semiotik. Sehubungan itu, kajian terhadap *Syair Dagang Adanya* ini signifikan kerana memfokuskan aspek gaya bahasa dan dipandu dengan kerangka analisis yang lebih sistematik, yang seterusnya dapat memberikan pencerahan kepada aspek bahasa terhadap karya penyair hebat ini.


METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Kajian melibatkan manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia. *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) terdiri daripada 18 halaman dan 191 rangkap. Manuskrip ini dipilih kerana teksnya lebih sempurna, mudah dibaca dan bahasanya lebih gramatis berbanding versi-versi *Syair Dagang* yang lain, iaitu *Syair Anak Dagang* (MSS 3303), *Syair Anak Dagang* (MSS 3532) dan *Syair Anak Dagang* (3862) yang kebanyakan halamannya tidak sempurna akibat dimakan bubuk. Pengumpulan data dilakukan dengan melibatkan beberapa proses, iaitu; (1) Pembacaan secara berulang-ulang *Syair Dagang Adanya* untuk mengenal pasti kata kunci yang berkaitan gaya bahasa perbandingan; (2) Mencatat dan menulis kata kunci gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya*; (3) Mengelompokkan kata-kata kunci dengan gaya bahasa perbandingan berdasarkan Model Gaya Bahasa Tarigan untuk dianalisis.


Model Gaya Bahasa Tarigan telah dipilih kerana mampu menyerlahkan dan mengenal pasti gaya bahasa yang terdapat dalam *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri. Gaya bahasa biasanya sering dijumpai dalam karya-karya sastera seperti puisi. Model yang digunakan ini bersesuaian dan selari dengan definisi puisi yang dikemukakan oleh Tarigan (1983), iaitu puisi sebagai karangan berangkap bagi melafazkan dan melukiskan fikiran yang cantik menerusi bahasa yang indah. Oleh itu, kajian telah memilih model Tarigan sebagai asas atau panduan analisis kajian.

Berdasarkan Model Gaya Bahasa Tarigan, gaya bahasa terdiri daripada empat pecahan, iaitu pertautan, perbandingan, pertentangan dan perulangan (Rajah 1). Namun begitu, daripada empat pecahan tersebut, kajian ini hanya memfokuskan gaya bahasa perbandingan sebagai asas kajian. Menerusi gaya bahasa perbandingan, terdapat empat kategori bentuk gaya bahasa, iaitu perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi (Rajah 2). Keempat-empat bentuk yang

dikemukakan oleh Tarigan ini akan diteliti sebaiknya untuk menganalisis teks *Syair Dagang Adanya*.



RAJAH 1. Pecahan Gaya Bahasa
Sumber: Tarigan (1983)



RAJAH 2. Bentuk-bentuk Gaya Bahasa Perbandingan
Sumber: Tarigan (1983)

ANALISIS DAN DAPATAN

Kajian ini akan memberikan perhatian kepada gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Dagang Adanya*. Gaya bahasa perbandingan adalah salah satu teknik dalam penggunaan bahasa yang menggunakan perbandingan atau perumpamaan untuk memperjelaskan atau memperkaya makna suatu pernyataan (Diah Budiani, 2023: 431). Sesungguhnya, gaya bahasa inilah yang menjadi keutamaan Sheikh Hamzah Fansuri dengan penggunaan keempat-empat bentuk yang diperkatakan itu. Perbincangan seterusnya akan menelusuri penggunaan perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipitansi yang terdapat dalam syair ini.

PERUMPAMAAN

Perumpamaan atau dikenali sebagai “simile” dalam bahasa Inggeris, merupakan gaya bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan suatu hal dengan cara mengumpamakannya dengan suatu hal lain yang mempunyai kesamaan. Istilah “simile” ini berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud “seperti” (Tarigan, 2009). Gaya bahasa simile atau perumpamaan adalah bentuk perbandingan yang bersifat eksplisit, iaitu maksud yang ingin disamakan bersifat jelas dan tepat kepada satu perkara yang hendak dibandingkan. Perumpamaan dapat dikenali melalui penggunaan perkataan-perkataan khusus yang digunakan untuk membuat perbandingan. Kata-kata seperti “laksana,” “bagai,” “seperti,” “bagaikan,” “ibarat,” dan “umpama” menjadi penanda kiasan atau perbandingan dalam perumpamaan (Asmah, 2009). Dengan kata lain, perumpamaan mencipta gambaran dengan menggunakan kata-kata tersebut untuk menyoroti kesamaan antara dua proposisi. Perumpamaan dalam bahasa Melayu sering berkait dengan sifat semula jadi yang bermotif, seperti flora dan fauna, benda atau alam sekitar yang melibatkan bentuk muka bumi serta fenomena alam (Shaiful Bahri, 2019). Pemilihan elemen-elemen ini dalam perumpamaan memastikan kesamaran yang terbentuk seterusnya mencerminkan perilaku yang hendak dibandingkan. Dengan cara ini, perumpamaan bukan hanya memberikan keindahan bahasa tetapi juga memperkaya makna dengan menggambarkan hubungan yang mendalam antara dua entiti yang dibandingkan.

Dalam konteks penulisan puisi, Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan *Syair Dagang* sebagai medium dakwah untuk mengajak dan menyeru masyarakat kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hal ini menuntut penggunaan diksi yang baik dan berkesan untuk menyampaikan mesej-mesej bagi tujuan pendakwaan. Menurut Muharam dan Zubir (2023: 209), penulis puisi menggunakan perumpamaan sebagai perbandingan terhadap perilaku manusia agar sindiran yang diniatkan itu dapat disampaikan dengan cara berkias, berhemah dan berkesan. Hal ini selari dengan konsep budaya Melayu yang mementingkan kesopanan dan bahasa yang halus dalam teguran supaya maruah seseorang sentiasa terjaga dan tidak tercemar. Hal ini penting kerana harga diri atau maruah seseorang itu sangat bernilai. Setiap kata-kata berupa nasihat akan memberikan kesan yang mendalam dalam diri seseorang individu.

Justeru, perumpamaan telah digunakan sebagai perbandingan terhadap perilaku manusia agar sindiran yang diniatkan itu dapat disampaikan kepada khalayak. Penggunaan bahasa yang halus dengan berkias dan santun dapat mencerminkan keindahan dan nilai yang ada pada masyarakat Melayu. Sehubungan itu, Sheikh Hamzah Fansuri telah menyelitkan unsur-unsur perumpamaan ke dalam *Syair Dagang Adanya*. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Maka nasib untung dan terhina,
Teringatlah diri Dagang yang dihina,
Daripada sangat gundah-gulana,
Meninggalkan negeri terlalu lena. (rangkap 8)

Hamba suratkan tiada bertentu,
Tangan pun berat seperti batu,
Lagi sekian yatim piatu,
Bertambah jauh riyal dan suku. (rangkap 9)

Dengan mengaplikasikan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan, dapat dirungkaikan dengan jelas bahawa pengarang menggunakan perumpamaan yang mudah. Pertama, pengarang menggunakan perkataan “seperti” yang menunjukkan perumpamaan. Kedua, pengarang turut menggunakan perumpamaan berunsurkan alam semula jadi, iaitu batu. Batu merupakan benda keras yang berasal dari bumi tetapi bukan logam. Unsur alam merupakan sebahagian daripada kehidupan seniman dan menjadi sumber ilham yang penting (Mohd Saberi & Mas Rynna Wati, 2019: 29-39). Berdasarkan segi makna puisi pula, pengarang begitu mengambil berat akan penggunaan perumpamaan supaya bersesuaian dengan konsep dakwah yang menekankan kelembutan dan kehalusan. Hal ini dapat dilihat ketika Dagang mengenang kembali akan nasibnya selepas meninggalkan kampung halamannya. Frasa ayat “Meninggalkan negeri terlalu lena” merujuk kepada negeri asal Dagang yang banyak meninggalkan kenangan suka duka. Dagang berasa dirinya terhina akibat sering dipandang serong oleh masyarakat setempat. Dalam keadaan jiwa yang tidak tenteram, Dagang bertekad untuk meninggalkan kampung halamannya. Keadaan Dagang digambarkan dalam keadaan yang tidak menentu dan serba kekurangan, tidak berduit dan tidak mempunyai saudara-mara. Keadaan Dagang bertambah rumit apabila mengenangkan nasibnya yang merupakan seorang yatim piatu. Keadaan Dagang yang serba kekurangan digambarkan dengan ayat “Tangan pun berat seperti batu” yang bermaksud Dagang hidup dalam serba kekurangan, bertangan kosong dan tidak mempunyai harta. Penggunaan perumpamaan “Tangan yang berat seperti batu” mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti boleh menimbulkan keinsafan, kesedaran, simpati dan empati dalam diri mereka bahawa masih ada manusia yang hidupnya lebih sukar dan miskin. Hal ini mampu membuatkan khalayak berfikir tentang perlunya sentiasa bersyukur dengan rezeki dan nikmat daripada Allah SWT. Sheikh Hamzah Fansuri juga telah menggunakan kata hubung “seperti” untuk menggambarkan perumpamaan tentang sesuatu yang sama halnya. Walaupun berada dalam keadaan serba kekurangan, Dagang tetap tabah menghadapi dugaan dan menganggap perkara yang berlaku adalah takdir daripada Allah SWT. Kesannya, hubungan antara Dagang dengan pencipta-Nya menjadi semakin dekat apabila Dagang mula insaf dengan memperbanyakkan beribadat, berdoa, berselawat dan melakukan segala suruhan-Nya. Hal ini telah memberikan motivasi kepada Dagang untuk terus kuat berusaha.

Seterusnya, penggunaan kata hubung “seperti” sebagai perumpamaan turut digunakan dalam rangkap 146 dan rangkap 147 untuk memberikan gambaran tentang perlunya mempunyai simpanan barangan berharga seperti emas dan perak. Bagi Dagang, emas dan perak mampu menjadi pengubat keluarga pada saat ditimpa musibah dan tidak mempunyai harta kerana emas mempunyai banyak kelebihan. Fungsi simpanan emas bergantung kepada niat dan matlamat akhir seseorang. Emas boleh berfungsi sebagai tabungan yang baik daripada segi ketahanannya. Hal ini berbeza dengan wang yang mudah bocor atau tiris simpanannya, cepat habis akibat nafsu

berbelanja yang tinggi dan terdedah pada susut nilai. Emas juga berfungsi sebagai aset yang paling mudah dijaga, dicairkan dan digadaikan. Emas juga sesuai dijadikan sebagai harta simpanan kerana nilainya boleh meningkat walaupun beratnya kekal sama. Pengarang menggunakan perumpamaan “sebagai” untuk menggambarkan keadaan seseorang yang tidak mempunyai simpanan emas seperti seorang yang lumpuh seluruh badannya dan hanya mampu melihat sahaja. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Jikalau tiada emas dan perak,
Seperti sakit tak boleh gerak,
Anak isteri datang memborak,
Sehari-hari hendak bersorak. (rangkap 146)

Jika tiada menaruh emas,
Hidup di dunia bagaikan emas,
Tinggi hati seperti diramas,
Seperti rumput di tengah panas. (rangkap 147)

Sheikh Hamzah Fansuri turut menggunakan perumpamaan untuk menggambarkan keadaan seseorang yang tidak membuat simpanan emas dengan kata “Seperti rumput di tengah panas” yang bermaksud kehidupan seseorang akan dipandang hina oleh masyarakat dan hidupnya menjadi tidak menentu sekiranya tidak mempunyai simpanan emas. Emas berperanan sebagai talian hayat ketika kecemasan misalnya untuk membiayai pendidikan anak-anak dan membina rumah sekiranya bencana alam berlaku. Pengarang turut menggunakan perumpamaan untuk mengajak masyarakat supaya menjadikan emas sebagai pelaburan kerana mempunyai banyak kebaikan di sisi Islam. Aktiviti menyimpan emas mampu mengubah tabiat buruk masyarakat yang tidak mengasingkan sebahagian pendapatan sebagai simpanan. Sehubungan itu, dalam konteks syair ini, Dagang mengajak khalayak supaya mengubah tabiat daripada menyimpan duit kepada membeli emas walaupun hanya 1 gram emas dalam sebulan. Tabiat membeli emas mampu menggantikan tabiat boros dalam kalangan masyarakat. Selain itu, emas berfungsi sebagai sumber zakat. Dalam Islam, orang yang mengumpul emas lebih 85 gram dalam tempoh setahun diwajibkan membayar zakat emas sebanyak 2.5%. Dengan mengeluarkan zakat, kehidupan seseorang Muslim akan lebih berkat dan rezekinya akan sentiasa dimurahi Allah SWT. Penyimpanan emas mampu memberikan kesan jangka panjang seperti boleh dijadikan sebagai modal pusingan, berperanan sebagai aset mudah alih, mampu menutup nafsu berbelanja dan berperanan sebagai aset fizikal mampu milik yang senang ditukar dalam bentuk tunai. Penggunaan perumpamaan “Seperti rumput di tengah panas” mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak apabila dapat menimbulkan perasaan sedih, simpati, kecewa dan pilu dalam diri mereka. Pemilihan diksi dalam perumpamaan yang dimanfaatkan pengarang berupaya membuat khalayak menginsafi realiti kehidupan sebenar bahawa mereka yang kaya akan disanjung setingginya manakala mereka yang miskin tidak berharta akan dipandang hina.

Seterusnya, Sheikh Hamzah Fansuri turut menggunakan perkataan “ibarat” sebagai perumpamaan untuk menggambarkan sesuatu keadaan. Perkataan “ibarat” berasal daripada perkataan Arab dan diambil daripada syair dan bahasa sastera klasik. Menurut Asmah (2015: 158), kata “ibarat” boleh digunakan untuk membawa pengertian yang positif dan negatif. Menerusi *Syair Dagang Adanya*, perkataan “ibarat” telah digunakan untuk menjelaskan tentang harga sesebuah

perniagaan yang diumpamakan seperti sebuah maruah dan harga diri seseorang. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Berniaga **ibarat** menggunting baju,
Terambil emas di dalam teraju,
Misalnya belayar perahu yang laju,
Ke tengah lautan baik dituju. (rangkap 76)

Sheikh Hamzah Fansuri telah memperkatakan tentang erti sebuah perniagaan yang diumpamakan seperti menggunting baju sendiri, iaitu melibatkan harga diri. Berniaga bukanlah satu kerja yang mudah kerana melibatkan komunikasi dua hala antara penjual dan pembeli. Berniaga juga melibatkan komunikasi dengan orang ramai yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan usia. Sekiranya berlaku kesilapan ketika berjual beli, pastinya akan memberikan kesan yang besar kepada kedua-dua belah pihak. Bagi Dagang, perkara yang paling penting ialah seseorang peniaga perlu memperbetulkan niat berniaga, iaitu semata-mata kerana Allah SWT. Sekiranya niat berniaga betul, perniagaan akan maju sejahtera, berjalan lancar dan berjaya sebagaimana yang dinyatakan dalam frasa “Ke tengah lautan baik dituju”. Oleh itu, seseorang peniaga perlu jujur dan amanah ketika berurusan dengan pembeli. Sebarang kesilapan pasti akan menimbulkan fitnah dan memberikan kesan yang buruk terhadap prestasi jualan dan seterusnya menjejaskan nama baik perniagaan. Penggunaan perumpamaan “Berniaga ibarat menggunting baju” mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti boleh menimbulkan keinsafan, kesedaran, berhati-hati, berwaspada dan sentiasa ikhlas ketika berniaga kerana berniaga merupakan nilai harga diri dan maruah seseorang. Peniaga yang baik pastinya seorang yang sentiasa menepati perilaku dan akhlak Nabi Muhammad SAW.

Seterusnya, perumpamaan turut dimanfaatkan pengarang dengan menggunakan perkataan “seumpama”. Digambarkan bahawa keadaan Dagang yang hidup tidak tentu arah akibat kemiskinan dan telah membuatkan hatinya menjadi tidak menentu. Dagang tidak tenang dan tenteram kerana tidak berharta. Perkataan “seumpama” telah digunakan untuk menggambarkan keadaan Dagang ketika itu yang tidak menentu hidupnya dengan ayat berbunyi “Seumpama perahu yang amat sarat”. Keadaan Dagang yang hilang arah tidak dapat dibendung lagi seperti yang dinukilkan pengarang “Dipukul angin jatuh ke barat”:

Sebab Dagang mula melarat,
Kalbunya Dagang sangat gelorat,
Seumpama perahu yang amat sarat,
Dipukul angin jatuh ke barat. (rangkap 111)

Terdapat juga nasihat yang cuba diketengahkan oleh Sheikh Hamzah Fansuri supaya dapat dijadikan teladan. Dagang sedaya upaya mengajak khalayak supaya berpegang teguh dengan tali Allah SWT walaupun ditimpa pelbagai musibah. Sehubungan itu, seseorang Muslim perlu mendalami pelbagai ilmu agama seperti berkaitan zat Allah, sifat Allah dan 99 nama Allah. Selain itu, seseorang Muslim juga perlu melakukan segala suruhan Allah SWT seperti solat, zakat, berpuasa dan sebagainya. Penggunaan perumpamaan “Seumpama perahu yang amat sarat, dipukul angin jatuh ke barat” mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti boleh menimbulkan rasa simpati, sedih, hiba dan pilu kerana tidak ramai manusia yang mampu bertahan apabila ditimpa dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Hanya yang kuat, cekal dan sabar mampu melaluinya.

METAFORA

Metafora merupakan suatu bentuk gaya bahasa perbandingan yang memberikan dimensi kiasan dalam penyampaian makna. Metafora sebagai perbandingan langsung tidak menggunakan kata-kata pembanding “seperti”, “bak” atau “bagai” (Siska et al., 2023). Gaya bahasa ini dikenali sebagai kiasan yang ringkas, padat dan tersusun rapi, sering kali terdiri dari dua perkataan, sama ada konkrit mahupun abstrak. Contoh metafora adalah seperti “bukit-bukit harapan” dan “hatinya mengalir sungai duka.” Perkataan metafora (*metaphore*) merupakan cantuman dua perkataan, iaitu *meta* dan *phore* yang menunjukkan pemakaian alternatif kata-kata untuk menyampaikan maksud sebagai alternatif kepada ungkapan literal (Fariqul Haq & Khazriyati, 2020). Dalam aliran kognitif, metafora lebih dikenali sebagai metafora konseptual yang memungkinkan pemahaman suatu domain abstrak melalui perbandingannya dengan domain yang lebih konkrit (Suziana, Nor Hashimah & Imran-Ho, 2018). Dengan kata lain, metafora merupakan perbandingan antara dua perkara yang berlainan namun memiliki persamaan dalam konteks yang dibandingkan. Metafora digunakan untuk memberikan keterangan terhadap konsep abstrak dan terbentuk melalui objek khusus yang memiliki pertalian erat dengan makna yang ingin disampaikan. Lebih dari sekadar bersifat harfiah, metafora juga mengandungi falsafah yang dapat membantu pemahaman terhadap pemikiran dan akal budi Melayu (Nor Hashimah, 2020).

Berdasarkan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan, *Syair Dagang Adanya* didapati memanfaatkan metafora dengan berkesan. Nur Hikmahtul Aiman & Muhd Norizam (2023) dalam penulisan mereka mengatakan bahawa penggunaan gaya bahasa perbandingan metafora dapat menonjolkan keindahan luaran puisi tersebut. Dalam konteks karya *Syair Dagang Adanya* umpamanya, menerusi rangkap 11 yang memperihalkan nasib Dagang yang hidup serba kekurangan dan terpaksa meninggalkan kampung halamannya. Kesusahan dan kekurangan yang dihadapi terpaksa ditanggung keseorangan tanpa saudara-mara di sisi. Dagang terpaksa menanggung sendiri perit getir yang dihadapinya. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Sakitnya tidak **berdaging darah**,
Laksana mujbir di laut tercurah,
Tiada diketahui tempat dan arah,
Kepada Allah tempat berserah. (rangkap 11)

Dalam memperihalkan situasi tersebut, Sheikh Hamzah Fansuri telah memanipulasikan penggunaan frasa yang biasa digunakan, iaitu “darah daging” yang sering dikaitkan dengan kaum karabat atau saudara sendiri. Namun, ia bersesuaian dengan persoalan yang dilalui oleh Dagang, iaitu tinggal berjauhan dengan saudara-mara dan kaum kerabat. Pengarang telah menggunakan frasa “berdaging darah” untuk menambahkan dan mempertingkatkan cakupan makna frasa tersebut. Situasi yang dilalui oleh Dagang diibaratkan seperti “mujbir”, iaitu situasi yang memaksanya untuk keluar dari kampung halamannya. Situasi ini juga membuatkan Dagang hilang arah dan buntu untuk membuat keputusan. Namun begitu, Dagang tetap berserah kepada Allah SWT dan reda dengan apa yang berlaku. Penggunaan metafora “Sakitnya tidak berdaging darah” berupaya membuai perasaan khalayak untuk turut sama merasakan betapa berseorangnya Dagang dalam melalui perit getir kehidupan. Pemilihan diksi dalam metafora yang digunakan mampu meninggalkan kesan yang besar dalam hati khalayak seperti boleh menimbulkan perasaan simpati dan empati kerana hanya yang benar-benar kuat, cekal dan sabar mampu menempuh kehidupan berkeseorangan tanpa bantuan daripada saudara mara, keluarga dan orang terdekat.

Seterusnya, Sheikh Hamzah Fansuri turut memanfaatkan metafora berdasarkan Model Gaya Bahasa Tarigan dengan memperihalkan nasib Dagang yang sangat miskin, daif dan rendah tarafnya. Frasa “hina papa” cukup untuk menggambarkan keadaan Dagang yang begitu sulit dan menyedihkan. Pengarang begitu kreatif menggunakan frasa yang mampu menyentuh hati khalayak dan seterusnya dapat menarik minat untuk lebih mendalami maksud yang cuba disampaikan. Frasa “hina papa” telah disatukan untuk memberikan gambaran situasi yang dilalui Dagang yang begitu menyulitkan. Frasa “hina papa” jika dipisahkan mempunyai maksud yang lebih ringan berbanding gabungannya. Contohnya, perkataan “hina” dan “papa” mempunyai maksud yang tersendiri. Perkataan “hina” bermaksud rendah taraf manakala “papa” bermaksud sangat miskin atau tidak mempunyai apa-apa. Apabila kedua-dua perkataan ini digabungkan, terhasillah frasa “hina papa” yang bermaksud seseorang yang rendah tarafnya dan sangat miskin. Penggunaan frasa ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Ayuhai tuan jangan murka,
Kepada hamba orang yang duka,
Umpat-mengumpat hendaklah jaga,
Kanda sekalian adik dan kakak. (rangkap 15)

Hamba nan dagang yang **hina papa**,
Kepada orang tiada serupa,
Duduk dengan menanggung nestapa,
Tambahan jauh ibu dan bapa. (rangkap 16)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, Dagang berada dalam keadaan tidak menentu disebabkan berjauhan dengan saudara-mara, ibu bapa dan teman-teman di kampung halamannya. Kehidupan Dagang yang serba sederhana, tidak berduit dan tidak berharta telah menambahkan lagi keperitan yang dihadapi ditambah dengan ketiadaan keperluan asas yang boleh diibaratkan seperti “Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Disebabkan kemiskinan, Dagang telah dihina, diumpat dan menjadi buah mulut masyarakat. Penggunaan metafora “hina papa” mampu meninggalkan kesan yang besar terhadap khalayak seperti boleh menimbulkan perasaan daripada aspek rendah hati, cecal dan tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang serba mencabar. Dagang akhirnya telah membawa diri meninggalkan kampung halamannya. Walaupun berat untuk membuat keputusan, Dagang sedaya-upaya melawan perasaannya daripada mengenang kembali akan nasibnya yang serba kekurangan. Dalam hal ini, Sheikh Hamzah Fansuri dilihat bijak menyelitkan nasihat untuk mengajak khalayak supaya menghindari diri daripada melakukan perkara-perkara mazmumah seperti mengumpat. Mengumpat merupakan dosa besar yang dilakukan dengan menceritakan keburukan, mencela, mengejek, mengeji, mengutuk, dan membuka aib seseorang tanpa pengetahuannya.

Menerusi *Syair Dagang Adanya*, Sheikh Hamzah Fansuri juga memanfaatkan metafora dengan memanipulasikan penggunaan frasa “melihat hati” untuk menggambarkan peranan *Syair Dagang Adanya*, sebagai panduan atau asas penilaian diri seseorang mukmin kerana kaya dengan pengajaran, teladan dan hukum-hakam dalam Islam. Frasa “melihat hati” merupakan binaan daripada dua perkataan, iaitu “melihat” dan “hati”. Melihat bermaksud nampak apabila memandang sesuatu. Orang yang melihat boleh diklasifikasikan sebagai seorang yang tidak buta. Mata merupakan pancaindera yang sangat berharga yang membolehkan seseorang itu melihat. Hati pula merupakan organ manusia yang berfungsi membersihkan darah. Pengarang begitu teliti dan mempunyai kefahaman yang tinggi tentang bahasa apabila menggabungkan kedua-dua perkataan

tersebut dan membentuk frasa “melihat hati” yang mempunyai maksud menarik untuk diperhalusi. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair berikut:

Diberikan syurga dengan nikmat,
Jauh fitnah syaitan laknat,
Nabi kita menolong syafaat,
Minta kepada Allah al-Samad. (rangkap 153)

Awal menyurut dari Isnin,
Syair ini ibarat cermin,
Tempat **melihat hati** yang Mukmin,
Tentu diketahui kafir Muslimin. (rangkap 154)

Frasa “melihat hati” dalam rangkapan syair di atas dikaitkan pengarang dengan syafaat para nabi yang boleh membantu manusia di akhirat kelak. Dengan syafaat, seseorang akan terselamat daripada menerima azab Allah SWT. Syafaat merujuk kepada kelebihan yang dikurniakan Allah SWT kepada Rasulullah SAW untuk menolong umatnya di Padang Mahsyar kelak. Syafaat menjadi peluang terakhir umat manusia mendapatkan pertolongan di akhirat. Nabi Muhammad SAW akan memohon syafaat daripada Allah SAW supaya dipercepatkan pengadilan dan perbicaraan ke atas umatnya setelah lama menderita akibat menunggu di Mahsyar. Manusia akan mencari nabi supaya perbicaraan dipercepatkan untuk dimasukkan ke syurga. Salah satu amalan untuk mendapat syafaat nabi ialah dengan berselawat ke atasnya. Ganjaran satu kali selawat kepada nabi bersamaan dengan sepuluh kali selawat ke atas diri sendiri. Walaupun kelihatan amalan ini kecil tetapi kesannya di akhirat begitu besar kerana akan memudahkan seseorang memperoleh syafaat daripada Nabi Muhammad SAW.

Sheikh Hamzah Fansuri telah memanfaatkan metafora dengan menggunakan frasa “melihat hati” untuk memperihalkan tentang peranan dan kepentingan syair yang dikarang. Penggunaan metafora “melihat hati” mampu meninggalkan kesan keinsafan diri dalam khalayak agar sentiasa bermuhasabah semasa menilai diri sendiri sebelum membuat penilaian terhadap orang lain. Syair ini juga diumpamakan seperti cermin untuk melihat dan menilai diri sendiri sama ada telah melaksanakan segala suruhan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Apabila akal disinari dengan cahaya keimanan, segala kebaikan akan menghiasi kehidupan seseorang insan. Sebaliknya, apabila akal tidak dapat menerima cahaya iman disebabkan dorongan hawa nafsu, gerakan hati akan mendengar daripada pandangan akal dan nafsu sama ada membenarkan iman bertapak di hati atau tidak kerana dunia ini adalah penjara bagi Mukmin dan syurga bagi orang kafir.

Bersandarkan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan, *Syair Dagang Adanya* karya Sheikh Hamzah Fansuri didapati memanfaatkan metafora dengan berkesan dan mendalam. Pengarang memperihalkan tentang nasib Dagang yang tidak menentu kerana tidak berwang, dipulaukan oleh kawan-kawan dan saudara-mara, berjauhan dengan keluarga dan hidup dalam serba kekurangan. Kesusahan yang dilalui Dagang begitu berat untuk ditanggung dan terpaksa menempuhnya keseorangan. Situasi ini digambarkan menerusi rangkapan syair berikut:

Susah dagang bukan kepalang,
Di dalam kalbu terang dan kelam,
Nyawa dan badan bagaikan hilang,
Susahnya dagang seorang-orang. (rangkap 109)

Bimbang tidak lagi terperi,
Mulanya dagang membuangnya negeri,
Daripada sangat **dendam berahi**,
Melaratlah dagang kerana hati. (rangkap 110)

Dalam memperihalkan situasi tersebut, pengarang telah menggunakan frasa “dendam berahi” yang merujuk kepada perasaan cinta dan kasih Dagang yang pada awalnya bersangka baik terhadap masyarakat, sahabat, saudara-mara dan keluarga. Namun begitu, perasaan tersebut berubah apabila Dagang terpaksa melalui kesusahan, keperitan dan kemiskinan yang dihadapinya sendirian tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Frasa ini berasal daripada dua perkataan, iaitu “dendam” dan “berahi”. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang berbeza. Perkataan “dendam” bermaksud perasaan seseorang yang ingin membalas kejahatan manakala “berahi” bermaksud kasih atau cinta yang amat sangat. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang bertentangan, iaitu negatif bagi perkataan “dendam” manakala positif bagi perkataan “berahi”. Pengarang begitu bijak memanipulasi perkataan ini dengan menggabungkannya membentuk frasa “dendam berahi” yang bermaksud perasaan cinta dan kasih kepada seseorang. Penggunaan metafora “dendam berahi” berupaya meninggalkan kesan rasa terhadap khalayak agar sentiasa berwaspada ketika bersilaturahim kerana terdapat kesan baik dan buruknya. Berkasih sayang secara berlebihan atau perasaan yang membuak-buak dalam diri seseorang boleh membawa kekecewaan dan kesan emosi kelak.

PERSONIFIKASI

Personifikasi merupakan istilah yang berasal daripada bahasa Latin iaitu “pesona” yang bermaksud orang, pelaku, aktor, atau topeng dalam drama (Tarigan, 2009). Personifikasi adalah wahana yang membolehkan pemberian ciri-ciri sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa. Menurut Diah Budiani (2023), personifikasi adalah majas yang melukiskan benda mati seolah-olah hidup seperti manusia dan melibatkan penyerapan sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa. Konsep ini melibatkan pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu yang abstrak untuk menciptakan kesan estetika pada sesuatu karya sastra.

Menerusi *Syair Dagang Adanya*, Sheikh Hamzah Fansuri dilihat berkecenderungan menggunakan personifikasi berunsurkan alam dan haiwan. Menurut Tarigan (1985: 17), personifikasi boleh didefinisikan sebagai memberi sifat manusia kepada objek, konsep atau benda yang tidak bernyawa. Contohnya, “hujan memandikan tanaman” dan “pepohon tersenyum riang”. Dalam hal ini, perlakuan manusia “memandikan” dan “tersenyum” itu diberikan kepada hujan atau pepohon untuk menggambarkan kiasan objek yang tidak bernyawa. Menerusi *Syair Dagang Adanya*, Sheikh Hamzah Fansuri telah memanfaatkan unsur tersebut dengan memperihalkan supaya manusia tidak terpengaruh dengan godaan dunia, sebaliknya berserah dan yakin dengan percaturan Allah SWT. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Sudah terikut dengan habuan,
Syair dikarang menjadi haiwan,
Laksana bulan dikandung awan,
Kalbunya Dagang bertambah rawan. (rangkap 12)

Berdasarkan rangkap syair tersebut, Sheikh Hamzah Fansuri menggambarkan keadaan Dagang yang semakin gundah-gulana kerana telah terikut dan terjebak dengan habuan dunia. Dagang bekerja tanpa mengenal erti penat lelah sehingga terpaksa mengorbankan penulisan syairnya. Dalam keadaan sibuk dan kesuntukan masa, Dagang berusaha memanfaatkan masa yang ada dengan berkarya. Walaupun berada dalam keadaan yang tidak menentu, Dagang telah berusaha berkarya sebaiknya walaupun mengetahui hasil karyanya tidaklah sempurna sebagaimana sebelumnya. Pengarang telah memanfaatkan gaya bahasa personifikasi dengan menggambarkan syairnya itu sebagai “haiwan”. Perkataan “haiwan” yang digunakan untuk menggambarkan keadaan syair yang dikarang bukanlah merujuk kepada perihal syair itu telah berubah menjadi haiwan secara harfiah, sebaliknya pengarang cuba menggambarkan syairnya yang menjadi tidak sempurna disebabkan hati yang tidak menentu dan tidak tenang ketika berkarya. Hati Dagang berada dalam keadaan gundah-gulana disebabkan pelbagai faktor seperti berjauhan dengan keluarga dan saudara-mara, tidak berduit serta hidup sebatang kara tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Penggunaan personifikasi “Laksana bulan dikandung awan” mampu meninggalkan kesan terhadap khalayak, menimbulkan perasaan hiba dan pilu lantaran diselubungi kegelapan tidak ubah seperti bulan yang sifatnya melimpahkan sinar cahaya tetapi kini kelihatan malap kerana dilitupi awan. Cahayanya tidak berupaya lagi menyinari kegelapan malam. Hal ini mampu meninggalkan rasa simpati dan empati terhadap khalayak untuk merasakan emosi yang sedang dirasakan oleh Dagang.

Seterusnya, pengarang turut menggunakan gaya bahasa personifikasi haiwan, iaitu “kumbang” untuk menggambarkan tentang hubungan dan peranan seorang nakhoda terhadap anak buahnya. Pengarang memanfaatkan personifikasi dengan berkesan dan mendalam. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair berikut:

Nakhoda itu tamsilkan kembang,
Anak buahnya seumpama kumbang,
Jikalau tahu kita menimbang,
Cahaya seperti bulan mengambang. (rangkap 102)

Kumbang merupakan seekor serangga yang berkepak, berkulit keras, menyerikan bunga dan boleh juga merosakkan tanaman. Namun, pengarang menggunakan analogi haiwan berbentuk serangga, iaitu kumbang untuk menggambarkan peranan nakhoda sebagai ketua pelayaran dan anak kapalnya sebagai bunga yang kembang. Walaupun pengarang tidak menyebutkan tentang bunga, analogi serangga seperti kumbang tidak boleh dipisahkan dengan bunga. Bunga berperanan sebagai sumber makanan bagi kumbang, iaitu madu. Begitu jugalah biarpun pengarang tidak menyebut perkataan “bunga”, penggunaan perkataan “kumbang” sudah cukup untuk menggambarkan sifat bunga itu sendiri yang akan kembang mekar pada waktu pagi dan mengeluarkan bau yang wangi. Bau pada bunga menjadi daya penarik kumbang untuk mendapatkan makanan, iaitu madu. Menerusi rangkap syair tersebut, peranan bunga yang kembang itu diibaratkan seperti seorang nakhoda, iaitu ketua pelayaran atau ketua ketika bermusafir. Nakhoda bertanggungjawab menjaga kebajikan anak buahnya. Kedua-duanya saling

melengkapi dan memerlukan. Nakhoda juga berperanan dalam membuat keputusan dan menimbang segala cadangan daripada anak buahnya. Keputusan dan pertimbangan yang tepat daripada nakhoda memberikan sinar kejayaan ketika bermusafir sehinggalah sampai ke destinasi yang dituju. Penggunaan personifikasi “Anak buahnya seumpama kumbang” mampu meninggalkan kesan pemahaman dan penegasan yang tinggi terhadap khalayak seperti pentingnya semangat kekitaan dan kerjasama, yang menjelaskan betapa hidup manusia itu saling memerlukan. Penggunaan personifikasi ini juga mampu menimbulkan kesedaran kepada khalayak betapa seorang ketua itu bertanggungjawab dan mesti memiliki sifat amanah dalam menjaga kebajikan anak buahnya.

Seterusnya, pengarang turut menggunakan gaya bahasa personifikasi unsur alam semula jadi seperti kayu dan bunga. Berdasarkan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan, pengarang benar-benar memanfaatkan gaya bahasa personifikasi dengan begitu mendalam untuk menyampaikan hasrat hatinya. Pengarang menggambarkan nakhoda seperti “kayu pada pokok” yang diketahui sifatnya yang kuat dan utuh untuk menampung berat buah, daun, tiupan angin dan sebagainya. Kayu pada pokok berperanan sebagai tonggak atau kekuatan utama sepohon pokok. Hal ini digambarkan dengan frasa “Nakhoda itu laksana kayu” berikut:

Nakhoda itu laksana **kayu**,
Limpah kepada sepohon kayu,
Rakyat seperti kembang mendayu,
Akan menjadi **bunga yang layu**. (rangkap 103)

Sheikh Hamzah Fansuri turut menggunakan gaya bahasa personifikasi sifat bunga pada manusia. Frasa “Rakyat seperti kembang mendayu” telah digunakan untuk menggambarkan keadaan rakyat yang menjadi lemah sekiranya tidak mempunyai nakhoda atau pemimpin yang berwibawa. Nakhoda juga boleh diibaratkan sebagai pemimpin sesebuah negara. Rakyat akan menjadi lemah tidak bermaya, tidak berkualiti dan hidup dalam kegelapan sekiranya tidak dipimpin oleh seorang nakhoda yang unggul. Pengarang menggunakan ayat “bunga yang layu” yang berunsurkan alam semula jadi untuk menggambarkan keadaan rakyat yang lemah. Hal ini berbeza dengan keadaan rakyat yang hidup dengan penuh harmoni dan aman sentosa apabila dipimpin oleh seorang nakhoda yang berwibawa. Penggunaan personifikasi “Nakhoda itu laksana kayu” dan “Rakyat seperti kembang mendayu” mampu meninggalkan kesan kesedaran terhadap khalayak seperti menyemai semangat patriotik atau cintakan negara. Pemerintah (nakhoda) dan rakyat saling memerlukan serta tidak boleh dipisahkan dalam pemerintahan sesebuah negara. Pemerintah yang baik mampu melahirkan rakyat yang lebih cenderung untuk mematuhi dan mengikuti arahan. Kebijaksanaan pemimpin tersebut juga mampu memotivasikan rakyat dan mendorong kerjasama dalam menjaga kedaulatan serta mencapai kemakmuran negara.

ANTISIPASI

Antisipasi merupakan konsep yang melibatkan bayangan atau perkiraan mengenai hal-hal yang akan berlaku pada masa hadapan. Istilah ini berasal daripada bahasa Latin, iaitu “anticipatio” yang merujuk kepada penetapan atau mendahului suatu pekerjaan. Antisipasi merupakan gaya bahasa perbandingan yang digunakan untuk menggambarkan keyakinan bahawa suatu peristiwa atau gagasan pasti akan terjadi atau berlaku sesuai dengan ramalan (Tarigan, 1989). Antisipasi merujuk kepada tindakan atau proses meramalkan sesuatu yang mungkin terjadi pada masa hadapan dan persiapan yang perlu untuk menghadapinya. Konsep ini melibatkan kemampuan untuk

membayangkan sesuatu situasi, kejadian atau perubahan yang mungkin berlaku serta langkah-langkah yang diperlukan untuk bertindak balas.

Dalam *Syair Dagang Adanya*, didapati Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan gaya bahasa antisipasi tentang akibat atau pembalasan kepada mereka yang mengingkari hukum-hakam dalam agama Islam. Antara perkara ghaib yang terdapat dalam syair ini ialah alam akhirat, dosa, pahala dan neraka. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

Laki isteri semua diajarkan,
Bapa dan ibu semua mengajarkan sekalian,
Jalan yang betul diikutkan,
Jangan dijawab baik didengarkan. (rangkap 53)

Jikalau semua mengesarkan,
Dunia akhirat yang diikutkan,
Jangan sekali engkau menitahkan,
Dosa besar engkau dapatkan. (rangkap 54)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, pengarang telah menggunakan gaya bahasa antisipasi untuk menjelaskan akibat yang akan diterima sekiranya seseorang anak ingkar akan nasihat kedua ibu bapanya. Anak tersebut akan mendapat pembalasan dosa besar. Dosa besar merupakan segala jenis dosa yang balasannya adalah seksa di neraka. Dalam Islam, pembalasan bagi mereka yang melakukan dosa besar ialah neraka. Bagi mereka yang melakukan kebaikan pula akan dimasukkan ke syurga. Pembalasan tentang mereka yang melakukan dosa besar telah diperkatakan sejak 1400 tahun dahulu lagi oleh Nabi Muhammad SAW. Umat Islam wajib percaya dan yakin bahawa setiap perlakuan sama ada baik atau buruk akan diberikan pembalasan. Pembalasan syurga akan diberikan kepada mereka yang banyak melakukan kebaikan atau mempunyai timbangan pahala yang banyak. Pembalasan neraka pula akan dikenakan kepada mereka yang mempunyai timbangan amalan buruk atau dosa. Pembalasan sama ada syurga atau neraka akan dibalas pada hari akhirat kelak. Akhirat merupakan alam tempat kita berada sesudah mati. Perkataan “akhirat” turut digunakan oleh pengarang sebagaimana rangkapan syair berikut:

Jikalau ayat tidak diturut,
Itulah tanda orang yang kalut,
Khabar yang benar tiada disebut,
Berdoa juga dikarut-karut. (rangkap 163)

Fikir tiada yang salah,
Di dunia ini tiada apalah,
Allah membalas dengan yang mudah,
Akhirat sekarang kita rasalah. (rangkap 164)

Sheikh Hamzah Fansuri telah menggunakan ayat “Akhirat sekarang kita rasalah” merujuk kepada pembalasan akan datang yang akan ditimpakan kepada mereka yang terlalu bijak sehinggakan tidak mahu mendengar pendapat, pandangan dan nasihat daripada orang lain. Golongan ini digambarkan mempunyai sifat yang angkuh, tergesa-gesa serta sombong tidak mahu mendengar pandangan daripada orang lain. Mereka ini hidup dalam keadaan kegelapan dengan

melakukan ibadah yang tidak lengkap dan sempurna sebagaimana yang telah digariskan dalam Islam. Mereka juga tidak suka mendengar nasihat apabila ditegur kesalahan dalam ibadah dan sebagainya. Pengarang begitu berpandangan jauh apabila memberikan gambaran situasi gaya bahasa antisipitasi dengan menyatakan tentang pembalasan yang akan diterima pada akhirat kelak dan bukannya di dunia. Penggunaan gaya bahasa antisipasi “Dosa besar engkau dapatkan” dan “Akhirat sekarang kita rasalah” mampu meninggalkan kesan dalam diri khalayak seperti memberikan keinsafan dan melahirkan individu yang tenang jiwanya, tidak berdendam serta tidak membalas kezaliman dengan kekerasan yang melampaui batas. Oleh itu, umat Islam wajib mempercayai adanya hari akhirat kerana telah tercatat dalam Rukun Iman, iaitu beriman kepada hari akhirat. Penggunaan antisipasi dalam analisis *Syair Dagang Adanya* tersebut menunjukkan betapa luasnya potensi aspek gaya bahasa yang telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Sheikh Hamzah Fansuri dalam mengharmonikan dan memperkayakan syairnya dari sudut isi dan bentuk.

KESIMPULAN

Kajian berdasarkan Model Gaya Bahasa Tarigan mendapati Sheikh Hamzah Fansuri memanfaatkan keempat-empat bentuk gaya bahasa perbandingan dalam teks *Syair Dagang Adanya*. Bentuk perumpamaan, metafora, personifikasi dan antisipasi yang dimanfaatkan dalam penghasilan syair tersebut menyerlahkan kepenyairan Sheikh Hamzah Fansuri sebagai seorang ulama, sasterawan, dan cendekiawan pada abad ke-16. Empat kategori yang diketengahkan dalam kerangka ini sangat penting dalam memanipulasikan atau memberikan kesan tertentu kepada karya yang terhasil. Selain menggunakan perumpamaan sedia ada, Sheikh Hamzah Fansuri mencipta perumpamaan baharu lantas memperkenalkan kelainan yang segar dan bertenaga, sekali gus menghasilkan makna tambahan yang dihadirkan oleh kelainan tersebut. Pengarang begitu kreatif menimbulkan kiasan, perbandingan, kesamaran dan berjaya mengadun serta mengolah ilmu berkaitan agama dengan seni ilmu bahasa Melayu dengan begitu sempurna dan harmoni. Seni bahasa Melayu yang digunakan dalam *Syair Dagang Adanya*, begitu puitis, penuh dengan teladan dan mampu menggetarkan hati khalayak yang membacanya.

Berdasarkan kerangka Model Gaya Bahasa Tarigan, kajian ini menyimpulkan bahawa Sheikh Hamzah Fansuri memanfaatkan dan memanipulasikan kepelbagaian bentuk gaya bahasa dalam *Syair Dagang Adanya*, dengan caranya yang tersendiri. Sheikh Hamzah Fansuri turut memanfaatkan ilmu agama yang dimiliki dan mengadunkannya dengan persekitaran serta pangalaman yang pernah dilaluinya. Kajian ini diharap dapat mencambahkan lagi kerja-kerja kesarjanaan yang melibatkan *Syair Dagang* karya Sheikh Hamzah Fansuri yang begitu popular terutamanya melibatkan aspek penggunaan gaya bahasa perbandingan. Kajian yang dijalankan diharapkan dapat mencungkil kebijaksanaan pemikiran dan akal budi Sheikh Hamzah Fansuri menerusi syair-syairnya.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diah Budiani. (2023). Penggunaan Gaya Bahasa dalam Puisi Langit Air Langit Basah Karya H. Akhmad T. Bacco. *J-CEKI: Jurnal Cendekia Ilmiah*. 2(5), 427-433.
- Fariqul Haq Tengku & Khazriyati Salehuddin. (2020). Pembacaan ungkapan literal dan metafora Melayu: satu kajian penjejakan mata. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 20(2), 18-35.
- Haedariah, H., Alan, & Anggun Kasmarita. (2023). Analisis Gaya Bahasa pada Lirik Lagu dalam Album “Manusia” Karya Tulus. *Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Kebudayaan*. 1(2), 143-155.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miftahul Ilmi. (2021). *Gaya Bahasa dalam Syair Ikhtari* Karya Nizar Qabbani: Studi Stilistika. *ALSUNYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Budaya Arab*. 4(2), 167-181.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad. (2019). *Pengalaman Pengembaraan dalam Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). *Jurnal Filologi Melayu*. 26.
- Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad. (2023). *Syair Dagang: Sufisme Hamzah Fansuri*. The International Symposium Rentasia 2023. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. (2019). *Eko-Kritik dalam Puisi Melayu*. *Akademika*. 89(Isu Khas), 29-39.
- Muhammad Zanika Esa Putra. (2023). Analisis Gaya Bahasa pada Puisi “Doa” Karya Chairil Anwar. *Jurnal Multidisiplin Indonesia*. 2(3), 151-155.
- Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2020). Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang dalam Puisinya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 8(3), 33-42.
- Muharam Awang & Zubir Idris. (2023). Analisis Kritis Gaya Bahasa Perbandingan Puisi Usman Awang. *Akademika*. 93(1), 205-218.
- Nazri Atoh & Zubir Idris. (2013). Simile sebagai Kesantunan Berbahasa dalam *Syair Siti Zubaidah*. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 4(1), 78-95.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 13(2), 199-222.
- Nur Hikmahtul Aiman Kamarulzaman & Muhd Norizam Jamian. (2023). Keindahan luaran *Gurindam Jiwa Penawar Duka* dari perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Melayu Isu Khas*, 152-166.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). *Kebitaraan Peribahasa Melayu dalam Komunikasi*. *Akademika*. 89(Isu Khas/Special Issue), 139-149.
- Siska Erlina Simamora, Paul Diman, Yuliati Eka Asi, Albertus Purwaka & Nirena Ade Christy. (2023). Gaya Bahasa Metafora dalam Novel *Konspirasi Alam Semesta* karya Fiersa Besari. Prosiding Seminar Nasional Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya (Mateandrau). 2(1), Mei, Universitas Palangka Raya.
- Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. (2018). Metafora konseptual dan manifestasi linguistik dalam Bahasa Melayu dan Perancis: satu analisis kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 18(3), 114-134.

- Tarigan, Henry Guntur. (1983). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur. (1985). *Prinsip-prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur. (2009). *Pengkajian Pragmatik*. Bandung: Angkasa.
- Zurina Abdullah, Rosnan, Farah Nur-Rashidah & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2017). Analisis Morfologi dalam *Syair Perahu*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(Special Issue), 73-81.

PENULIS

Mohd Muhaimi Abdul Rahman, PhD., merupakan pensyarah sambilan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah kesusasteraan Melayu tradisional. Tumpuan penyelidikan beliau adalah kajian manuskrip Melayu.

Zubir Idris, PhD., merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah kesusasteraan Melayu tradisional. Tumpuan penyelidikan beliau adalah kajian manuskrip dan historiografi Melayu.

Muhd Norizam Jamian, MPhil., merupakan pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah kesusasteraan Melayu tradisional. Tumpuan penyelidikan beliau adalah sastra adab serta sastra undang-undang dan ketatanegaraan Melayu tradisional.